



جابتن اكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(96)

Tarikh: 28 Jamadilawal 1447
19 November 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	21 November 2025 / 30 Jamadilawal 1447
Tajuk	Keajaiban Sedekah

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“KEAJAIBAN SEDEKAH”

21 November 2025 / 30 Jamadil Awal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“KEAJAIBAN SEDEKAH”

Firman Allah SWT:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾

Bermaksud: Perumpamaan (derma dan nafkah yang dikeluarkan oleh) mereka yang membelanjakan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan pada setiap tangkai terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki Nya. Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat) kurnia Nya lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Baqarah ayat 261)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Sedekah merupakan ibadah yang menjanjikan keberkatan hidup serta amalan yang akan diganjar dengan balasan yang luar biasa. Ayat 261 surah al-Baqarah yang khatib perdengarkan menjadi bukti bahawa Allah SWT memberikan ganjaran luar biasa pada amalan sedekah, umpama sebiji benih yang ditanam, menumbuhkan tujuh tangkai, dan setiap tangkai akan menghasilkan seratus biji.

Sedekah bermaksud pemberian yang dilakukan dengan tujuan mendapat keredhaan Ilahi dan ganjaran pahala daripada Nya. Sedekah terbahagi kepada dua bentuk, pertama sedekah wajib; merangkumi kewajipan seperti zakat dan nafkah. Kedua, sedekah sunat, iaitu pemberian yang dilakukan secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan hajat seseorang. Dalam melaksanakan tuntutan sedekah, sedekah wajib perlu didahulukan sebelum melakukan sedekah sunat.

Jemaah yang dikurniai petunjuk Ilahi

Al-Quran dan As-Sunnah membuktikan amalan bersedekah memberikan keajaiban dengan kesan-kesan luar biasa seperti berikut:

Pertama: Orang yang bersedekah dengan ikhlas akan mendapat balasan yang berganda sebagaimana mafhum daripada ayat 18 surah al-Hadid, bermaksud: "Dan sesungguhnya orang yang bersedekah baik lelaki mahupun perempuan dan meminjamkan kepada Allah dengan pinjaman yang baik, akan dilipatgandakan balasannya bagi mereka dan mereka akan mendapat pahala yang mulia."

Menurut logik akal, pasti akan berlaku pengurangan apabila sesuatu harta dibelanjakan. Namun, renungilah sedalam-dalamnya, harta yang digunakan untuk tujuan sedekah, tidak akan menjejaskan atau mengurangkan keperluan hidup pemberi sedekah. Umpamanya, badan sihat kurniaan Ilahi, mungkin berkat daripada amalan bersedekahnya; lalu dia tidak perlu menanggung bebanan kewangan untuk membiayai perbelanjaan perubatan. Allah SWT jua ada cara menggantikan harta yang disedekahkan, dengan mengurniakan kejayaan pekerjaan atau perniagaan atau perjalanan, atau memakbulkan doa kita, atau pencapaian cemerlang anak-anak kita dalam bidang pendidikan.

Kedua: Bersedekah membebaskan diri daripada masalah kerana dengan bersedekah jiwa akan rasa tenang dan fikiran menjadi lapang. Mukmin yang bersedia bersedekah apa yang dimilikinya kepada orang lain, akan merasa cukup, berbanding orang yang senantiasa merasa tidak cukup kerana sifatnya yang tidak mengamalkan bersedekah. Mukmin yang sentiasa menghulurkan sedekah akan bersyukur manakala yang tidak memberi sedekah, sentiasa takutkan kehilangan sesuatu. Mukmin yang bersedekah akan berpandangan rezeki Allah sangat luas, berbanding mereka yang tidak mahu memberi sedekah, sentiasa merasakan rezekinya terbatas. Mukmin yang sentiasa rasa cukup, bersyukur dan yakin rezeki yang luas, maka pemikirannya menjadi lapang dan mendamaikan, sedangkan rasa tidak cukup, takut kehilangan dan merasakan rezeki terbatas, menunjukkan pemikiran yang sempit dan tertekan.

Ketiga: Bersedekah dapat menghilangkan penyakit dan menghindarkan musibah. Daripada kitab *Mu'jam al-Safar* bahawa *Abu Bakar al-Khabbazi* dari *Naisabur* telah mengalami sakit yang parah. Jiran tetangga yang soleh telah datang menziarahinya dan berkata, beramallah dengan sabda Rasulullah SAW:

دَاوُوا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ

Bermaksud: "Rawatlah orang-orang yang sakit dalam kalanganmu dengan bersedekah."
(Hadis riwayat Abu Daud)

Ketika itu musim panas, dan beliau telah membeli buah tembikai lalu memberi makan kepada golongan fakir dan anak-anak kecil; lalu mereka mengangkat tangan dan mendoakan kesembuhan untuknya. Pada pagi berikutnya, dengan kehendak Allah SWT, beliau berada dalam keadaan sihat.

Keempat: Amalan bersedekah dapat menjauhkan diri daripada neraka. Sesungguhnya sebagai manusia kita pasti tidak lari daripada melakukan dosa dan maksiat. Apabila Nabi SAW ditanya tentang sesuatu perkara yang besar, Baginda menjawab bahawa sedekah memadamkan dosa seperti air memadamkan api; bukan sekadar menghilangkan bahkan menghapuskan

kesan-kesan dosa dan maksiat. Allahuakbar! nikmat apakah yang lebih besar daripada dijauhkan api neraka.

Jemaah Rahimakumullah

Sesungguhnya amalan bersedekah mempunyai kesan sangat besar terhadap seorang hamba, sehinggakan orang yang meninggal dunia, mohon untuk dipanjangkan hayat, semata-mata kerana mahu melakukan sedekah. Maksud firman Allah SWT; ayat 10 surah al-Munafiqun: “Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum kematian datang kepada salah seorang antara kamu, (kalau tidak) maka (pada saat itu) dia akan merayu dengan berkata, “Wahai Tuhanku, sekiranya Engkau berkenan menangguhkan kematianku sedikit waktu lagi, maka aku akan bersedekah dan aku akan menjadi orang yang soleh!”.

Begitulah hebatnya amalan bersedekah; justeru itu marilah kita memperbanyakkan amalan bersedekah. Berikut adalah nasihat yang boleh mendorong niat untuk melakukan sedekah: **Pertama:** Amalan sedekah adalah peluang ibadah yang diberikan kepada semua orang, dilakukan mengikut kemampuan masing-masing. Sebaik-baik sedekah adalah orang yang mendahului keperluan orang lain daripada dirinya sendiri.

Kedua: Amalan sedekah akan meninggikan darjat seseorang di sisi Allah SWT dan orang yang bersedekah akan diberikan kemuliaan memasuki syurga melalui pintu yang dikhaskan untuk pemberi sedekah.

Ketiga: Amalan sedekah menjadi penyelamat seseorang ketika berada di akhirat kerana sesiapa yang meringankan kesusahan saudaranya di dunia, maka Allah SWT akan meringankan kesusahannya di akhirat.

Mimbar menasihati ummah agar sentiasa berhati-hati terhadap pihak-pihak yang melakukan penipuan dengan menjadikan kegiatan meminta sedekah sebagai pekerjaan atau saluran memperoleh pendapatan; merupakan perbuatan yang tidak berakhlak dan perlu dibendung bagi memelihara kesucian amalan sedekah yang merupakan sebahagian daripada ibadah kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتَّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! kurniai kami hati yang pemurah lalu gemar bersedekah membantu ahli keluarga, anak-anak yatim dan golongan yang memerlukan. Jauhi kami daripada bersifat bakhil dan kedekut; sifat tidak mahu menginfakkan harta kerana dipengaruhi perasaan tamak yang cintakan harta.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾